



09 MAY, 2025

RM8 juta bantu usahawan bumiputera

Sinar Harian, Malaysia



RM8 juta bantu usahawan bumiputera

Langkah Mara tingkat penglibatan usahawan dalam bidang optometri

Oleh **IZWAN ROZLIN**
SERI KEMBANGAN

Majlis Amanah Rakyat (Mara) memperuntukkan RM8 juta bagi pelaksanaan fasa pertama Program Pembangunan Usahawan Dalam Bidang Optometri sebagai langkah strategik memperkukuh penglibatan usahawan bumiputera.

Ketua Pengarah Mara, Datuk Zulfikri Osman berkata, program itu menyasarkan graduan bidang optometri yang berkelayakan dan berpotensi tinggi untuk dibimbing sehingga berjaya membuka

premis optometri sendiri khususnya di pusat beli-belah terpilih.

Menurutnya, daripada 6,700 kedai optometri yang beroperasi di seluruh negara, hanya 10 peratus dimiliki usahawan bumiputera dan majoritinya tidak berada di lokasi strategik seperti pusat beli-belah.

Jelas beliau, Mara menjalin kerjasama strategik dengan syarikat industri, La Calisto Sdn Bhd bagi memastikan peserta program bukan sahaja diberi latihan intensif, malah ditawarkan peluang membuka premis optometri di lokasi strategik yang telah dikenal pasti.

"La Calisto turut membantu dari segi modul latihan, sokongan teknikal dan akses kepada pasaran," katanya semasa sidang akhbar selepas pelancaran program itu pada Khamis.

Hadir sama, Pengurus Besar La Calisto, CF Wong dan Pengarah Bahagian Infrastruktur Komersial Mara, Lailatul Asmah Mohd Tahir.

Seramai 61 calon hadir ke sesi



Zulfikri (kanan) melawat pameran pada Majlis Perasmian Program Pembangunan Usahawan dalam Bidang Optometri pada Khamis.

pemilihan kumpulan pertama program tersebut, namun hanya kira-kira 30 peserta akan dipilih untuk fasa permulaan berdasarkan kelayakan, komitmen serta rekod akademik masing-masing.

Setiap peserta bakal menerima pembiayaan maksimum

sehingga RM400,000 tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian pelan perniagaan.

Zulfikri berkata, peserta akan menjalani latihan intensif selama tiga hingga enam bulan merangkumi pengurusan kewangan, operasi kedai dan pemasaran se-

belum memulakan perniagaan.

"Setiap perniagaan yang diwujudkan di bawah program ini akan dipantau rapi oleh 122 Pejabat Mara Daerah di seluruh negara, manakala pinjaman ditawarkan bagi tempoh hingga 10 tahun," ujarnya.

Menurut Zulfikri, Mara akan terus membimbing peserta menerusi pendekatan 'hand-holding' bagi memastikan kejayaan jangka panjang dan kelangsungan perniagaan.

Tambahnya, program itu menggunakan pendekatan sama seperti beberapa inisiatif khas terdahulu yang mencatat kejayaan tinggi.

"Antaranya kerjasama dengan Petronas yang melahirkan 60 usahawan, program bersama anak syarikat Tenaga Nasional Berhad yang melahirkan 84 usahawan elektrik dan inisiatif tenaga solar yang melahirkan 78 usahawan bersama Gading Kencana," katanya.